



LAPORAN AKTIVITI BULANAN JKR WP PUTRAJAYA



BAHAGIAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN



JANUARI - JUN 2024

PERKARA	JUMLAH
BILANGAN NOTIS SEBUT HARGA YANG DIPAMERKAN	95
BILANGAN INDEN YANG DIKELUARKAN	75
BILANGAN TENDER YANG DIKLANKAN	19

BAHAGIAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN (BKUB)

JANUARI - JUN 2024

PERKARA	JUMLAH	NILAI (RM)
BILANGAN SURAT SETUJU TERIMA (TENDER) YANG DIKELUARKAN	12	RM184,210,440.02

BAHAGIAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN (BKUB)

RIADAH SANTAI WARGA BKUB

Lokasi	Tarikh & Masa	Peserta
Taman Seri Empangan, Presint 5	2 Mac 2024 (Sabtu) 7.30 - 10.30am	Dewasa (40 pax), Kanak-kanak (17 pax) & Bayi (3 pax)

Latar Belakang & Objektif

Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan (BKUB) telah mengadakan aktiviti riadah santai di Taman Seri Empangan, Presint 5, Putrajaya. Aktiviti dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Muhammad Hafiz diiringi dengan ucapan pembuka oleh Sr Rosiyawati, Juruukur Bahan Penguasa Kanan (JUBPK). Sebelum aktiviti sukan bermula, peserta dialu-alukan untuk bersarapan dengan juadah yang berkonsepkan 'potluck' seperti yang dirancang. Aktiviti diteruskan dengan senaman pemanasan badan yang diketuai oleh Cik Alya Farhani sebelum diteruskan dengan sukan bagi kanak-kanak yang dipantau oleh Puan 'Izzah Liyana. Sukan bagi peserta dewasa pula diketuai oleh Puan Noradilah. Aktiviti ini diakhiri dengan jamuan dan penyampaian hadiah bagi peserta yang mendapat tempat pertama, kedua dan ketiga bagi setiap sesi sukan yang diadakan. Aktiviti riadah ini dapat meningkatkan kecergasan badan dan juga menyemai semangat berpasukan antara semua peserta. Selain itu, hubungan silaturahim sesama pegawai, kakitangan dan keluarga juga dapat ditingkatkan dengan meluangkan hujung minggu berkualiti bersama-sama.

BAHAGIAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN (BKUB)






MAJLIS 'FAREWELL' DAN SAMBUTAN HARI LAHIR JAN-MAC

Latar Belakang & Objektif

Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan telah mengadakan Majlis 'Farewell' sekaligus sambutan hari lahir bagi menghargai jasa pegawai dan kakitangan. Majlis 'farewell' tersebut adalah untuk meraikan salah seorang pegawai iaitu Puan Noranifariza dan beberapa kakitangan lain iaitu Cik Alya Farhani, Cik Siti Nurhanani dan Cik Nur Alya Syifa. Majlis dihadiri oleh semua pegawai dan kakitangan BKUB. Majlis dimulakan dengan doa dan diteruskan dengan ucapan daripada pegawai dan kakitangan yang diraikan. Seterusnya, majlis diteruskan dengan ucapan daripada JUBPK. Cenderahati kenangan kepada semua pegawai dan kakitangan berkenaan telah disampaikan oleh JUBPK. Majlis diakhiri dengan jamuan kepada semua pegawai dan kakitangan yang hadir. Warga BKUB mengucapkan ribuan terima kasih ke atas segala jasa dan sumbangan yang diberikan sepanjang berkhidmat di BKUB JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya kepada semua yang diraikan.

BAHAGIAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN (BKUB)

Majlis 'Farewell'



Lokasi

Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, Aras 2 JKR WPP.

Tarikh & Masa

8 Mac 2024 &
21 Jun 2024
2.00pm - 4.30pm

Peserta

Semua pegawai dan kakitangan BKUB

Majlis 'Farewell'



Lokasi

Balqish
Restaurant,
Shaftsbury.


Tarikh & Masa

31 Mei 2024
(Jumaat)
12.00pm - 2.00pm

Peserta

Semua pegawai dan
kakitangan BKUB

Sambutan Hari Lahir Jan-Mac



Lokasi

Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan,
Aras 2 JKR WPP.

Tarikh & Masa

8 Mac 2024
(Jumaat)
2.00pm - 4.30pm

Peserta

Semua pegawai dan
kakitangan BKUB

AKTIVITI EKSA

Lokasi

Bahagian Kontrak
dan Ukur Bahan,
Aras 2 JKR WPP.

Tarikh & Masa

22 April 2024
(Isnin)
9.00am - 5.00pm

Peserta

Semua pegawai dan
kakitangan BKUB

Latar Belakang & Objektif

Satu gotong-royong secara menyeluruh bagi memenuhi kriteria penilaian EKSA telah diadakan pada 22 April 2024 di Aras 2, Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan. Setiap pegawai dan kakitangan telah diagihkan tugas yang tertumpu kepada ruang-ruang di dalam pejabat yang telah ditetapkan. Aktiviti gotong-royong ini dapat menyemai semangat kerjasama antara semua pegawai dan kakitangan BKUB bagi memastikan setiap ruang tersusun dan teratur.

BAHAGIAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN (BKUB)

SEBELUM



SELEPAS



SEBELUM



SELEPAS



SEBELUM



SELEPAS



SEBELUM



SELEPAS



SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

Lokasi

Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, Aras 2 JKR WPP.

Tarikh & Masa

6 Mei 2024 (Isnin)
10.00am sehingga selesai

Peserta

Semua pegawai dan kakitangan JKR WPP

Latar Belakang & Objektif

Sambutan Hari Raya Aidilfitri telah diadakan di Aras 2, Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan pada 6 Mei 2024. BKUB telah mengalu-alukan semua pegawai dan kakitangan JKR WPP untuk meraikan sambutan Aidilfitri bersama-sama dengan menyediakan juadah raya. Aktiviti ini dapat mengeratkan silaturahim antara semua warga JKR WPP.

BAHAGIAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN (BKUB)

SUDUT
EKSA

GALERI
BKUB





AGATIAN KERIA BAYA W.P. PUTRAJAYA
KORPORASI BANGSA PEMERINTAH LEBIH
ALFA

Setulus
Setulus
Setulus
Setulus

كوعيه-موعيه



KURSUS FACILITIES MANAGEMENT & MAINTENANCE (FMM) CONTRACTORS' OBLIGATIONS




Latar Belakang & Objektif

BKUB telah menganjurkan Kursus Facilities Management & Maintenance (FMM) Contractors' Obligation, pada 25 Jun 2024. Kursus ini dimulakan dengan pendaftaran peserta dan diteruskan dengan sesi perkongsian daripada penceramah jemputan, Ts. Yusnizah binti Mohd Kusnin. Terdapat tiga (3) sesi sepanjang kursus berlangsung. Kursus diakhiri dengan sesi soal jawab dan bergambar. Kursus ini dapat memberi kefahaman kepada semua peserta mengenai tugas dan peranan kontraktor FMM dalam kontrak FMM dengan lebih terperinci.

BAHAGIAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN (BKUB)







BAHAGIAN

KUARTERS KERAJAAN



TAJUK: MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST), DOKUMEN KONTRAK & SURAT PERWAKILAN KUASA (3 DALAM 1)

MAKLUMAT PROGRAM/ AKTIVITI/ ANUGERAH

Tempat/Lokasi: JKR WPP (Bilik Persidangan Ziyad Ibn Abih, Aras 8)
Anjuran : Bahagian Kuarters Kerajaan (BKK)
Tarikh: 15 Disember 2023

MAKLUMAT

Latar Belakang/ Objektif

Pada 15 Disember 2023 Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST), Dokumen Kontrak & Surat Perwakilan Kuasa (3 Dalam 1) telah diadakan untuk kontrak pengurusan fasiliti yang telah dianugerahkan kepada:

VFIVE GROUP SDN. BHD. untuk Kontrak Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan Bagi 769 Unit Kuarters Jenis Banglo, Berkembar Dan Teres Di Kuarters Kerajaan Persekutuan di Presint 10 Dan Presint 14, Putrajaya (Bagi Tahun 2024 Sehingga 2029).



(MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST), DOKUMEN KONTRAK & SURAT PERWAKILAN KUASA (3 DALAM) KONTRAKTOR : V FIVE SDN BHD

TAJUK: MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST), DOKUMEN KONTRAK & SURAT PERWAKILAN KUASA (3 DALAM 1)

MAKLUMAT PROGRAM/ AKTIVITI/ ANUGERAH

Tempat/Lokasi: JKR WPP (Bilik Persidangan Ziyad Ibn Abih, Aras 8)
Anjuran : Bahagian Kuarters Kerajaan (BKK)
Tarikh: 3 Januari 2024

MAKLUMAT

Latar Belakang/ Objektif

Pada 3 Januari 2024, satu Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST), Dokumen Kontrak & Surat Perwakilan Kuasa (3 Dalam 1) telah diadakan untuk kontrak pengurusan fasiliti yang telah dianugerahkan kepada:

FESMA SDN. BHD. untuk Kontrak Pengurusan Fasiliti Dan Penyenggaraan Bagi 806 Unit Kuarters Jenis Banglo, Berkembar Dan Teres Di Kuarters Kerajaan Persekutuan Di Presint 9 Dan Presint 16, Putrajaya (Bagi Tahun 2024 Sehingga 2029).



(MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST), DOKUMEN KONTRAK & SURAT PERWAKILAN KUASA (3 DALAM) KONTRAKTOR : FESMA SDN BHD

TAJUK: MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST), DOKUMEN KONTRAK & SURAT PERWAKILAN KUASA (3 DALAM 1)

MAKLUMAT PROGRAM/ AKTIVITI/ ANUGERAH

Tempat/Lokasi: JKR WPP (Bilik Persidangan Ziyad Ibn Abih, Aras 8)
Anjuran : Bahagian Kuarters Kerajaan (BKK)
Tarikh: 3 Januari 2024

MAKLUMAT

Latar Belakang/ Objektif

Pada 3 Januari 2024, satu Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST), Dokumen Kontrak & Surat Perwakilan Kuasa (3 Dalam 1) telah diadakan untuk kontrak pengurusan fasiliti yang telah dianugerahkan kepada:

BINA ALAM VENTURES SDN. BHD. untuk Kontrak Pengurusan Fasiliti Dan Penyenggaraan Bagi 423 Unit Kuarters Jenis Berkembar Dan Teres, Kuarters Kerajaan Persekutuan Di Presint 15 Dan Presint 18, Putrajaya (Bagi Tahun 2024 Sehingga 2029).



(MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST), DOKUMEN KONTRAK & SURAT PERWAKILAN KUASA (3 DALAM 1) KONTRAKTOR : BINA ALAM VENTURES SDN BHD

TAJUK: MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST), DOKUMEN KONTRAK & SURAT PERWAKILAN KUASA (3 DALAM 1)

MAKLUMAT PROGRAM/ AKTIVITI/ ANUGERAH

Tempat/Lokasi: JKR WPP (Bilik Persidangan Ziyad Ibn Abih, Aras 8)
Anjuran : Bahagian Kuarters Kerajaan (BKK)
Tarikh: 3 Januari 2024

MAKLUMAT

Latar Belakang/ Objektif

Pada 3 Januari 2024, satu Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST), Dokumen Kontrak & Surat Perwakilan Kuasa (3 Dalam 1) telah diadakan untuk kontrak pengurusan fasiliti yang telah dianugerahkan kepada:

BINA ALAM VENTURES SDN. BHD. untuk Kontrak Pengurusan Fasiliti Dan Penyenggaraan Bagi 423 Unit Kuarters Jenis Berkembar Dan Teres, Kuarters Kerajaan Persekutuan Di Presint 15 Dan Presint 18, Putrajaya (Bagi Tahun 2024 Sehingga 2029).



(MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST), DOKUMEN KONTRAK & SURAT PERWAKILAN KUASA (3 DALAM) KONTRAKTOR : SATRIA KASTURI (M) SDN BHD

TAJUK: MAJLIS PENYERAHAN TAPAK KONTRAK PENGURUSAN FASILITI DAN PENYENGGARAAN

MAKLUMAT PROGRAM/ AKTIVITI/ ANUGERAH

Tempat/Lokasi: PEJABAT TAPAK
KONTRAKTOR FESMA SDN. BHD.
Anjuran : Bahagian Kuarters Kerajaan (BKK)
Tarikh: 15 Januari 2024

MAKLUMAT

Latar Belakang/ Objektif
SESI PENYERAHAN TAPAK BAGI KONTRAK:
PENGURUSAN FASILITI DAN PENYENGGARAAN
BAGI 806 UNIT KUARTERS JENIS BANGLO,
BERKEMBAR DAN TERES DI KUARTERS
KERAJAAN PERSEKUTUAN DI PRESINT 9 DAN
PRESINT 16, PUTRAJAYA (BAGI TAHUN 2024
SEHINGGA 2029)

Kontraktor : FESMA SDN. BHD.



(MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST), DOKUMEN KONTRAK & SURAT PERWAKILAN KUASA (3 DALAM) KONTRAKTOR : FESMA SDN BHDPEMASANGAN JALUR GMILANG)

TAJUK: BENGKEL PELAN PENGURUSAN FASILITI (FMP)

MAKLUMAT PROGRAM/ AKTIVITI/ ANUGERAH

Tempat/Lokasi: THE ORIENT STAR RESORT
LUMUT PERAK

Anjuran : Bahagian Kuarters Kerajaan (BKK)

Tarikh: 2 – 4 Februari 2024

MAKLUMAT

Latar Belakang/ Objektif
BENGKEL PELAN PENGURUSAN FASILITI (FMP)

Untuk Kontrak Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan Bagi 769 Unit Kuarters Jenis Banglo, Berkembar Dan Teres Di Kuarters Kerajaan Persekutuan di Presint 10 Dan Presint 14, Putrajaya (Bagi Tahun 2024 Sehingga 2029).

Kontraktor : VFIVE GROUP SDN. BHD



BENGKEL PELAN PENGURUSAN FASILITI (FMP)

TAJUK: GOTONG ROYONG AUDIT EKSA JKR

MAKLUMAT PROGRAM/ AKTIVITI/ ANUGERAH

Tempat/Lokasi: Bahagian Kuarters
Kerajaan (BKK)
Tarikh: 2 Februari 2024

MAKLUMAT

Latar Belakang/ Objektif
Gotong Royong Audit EKSA JKR



(GOTONG ROYONG EKSA)

TAJUK: TAKLIMAT PRODUK 'WATER PUMP' GRUNDFOS

MAKLUMAT PROGRAM/ AKTIVITI/ ANUGERAH

Tempat/Lokasi: Bahagian Kuarters
Kerajaan (BKK)
Tarikh: 27 Mac 2024
Penceramah : Grundfos Sdn Bhd

MAKLUMAT

Latar Belakang/ Objektif
Pengenalan kepada jenis-jenis pam yang
beresuaian dengan kuarters



(TAKLIMAT PRODUK PAM GRUNDFOS)

TAJUK: PRODUK DAN KAEDAH PEMASANGAN BUMBUNG DAN LEAKPROOF SOLUTIONS

MAKLUMAT PROGRAM/ AKTIVITI/ ANUGERAH

Tempat/Lokasi: Bahagian Kuarters
Kerajaan (BKK)
Tarikh: 17 Mei 2024
Penceramah : BMI Roofing Systems Sdn
BHd

MAKLUMAT

Latar Belakang/ Objektif
Pengenalan dan Kaedah Pemasangan
Bumbung



(TAKLIMAT PRODUK & KAEDAH PEMASANGAN BUMBUNG & LEAKPROOF SOLUTIONS)


TAJUK:SISTEM PENGUNCIAN JERJI TINGKAP KECEMASAN AUTOMATIK GRILOC

MAKLUMAT PROGRAM/ AKTIVITI/ ANUGERAH

Tempat/Lokasi: Bahagian Kuarters
Kerajaan (BKK)
Tarikh: 20 Mei 2024
Penceramah : Besafe Supplies Enterprise

MAKLUMAT

Latar Belakang/ Objektif
Pengenalan dan Kaedah Pemasangan Jerji
Keselamatan Automatik Bagi Kediaman
Kuarters Kerajaan



(KAEDAH PEMASANGAN JERJI KESELAMATAN AUTOMATIK DI KUARTERS KERAJAAN)

TAJUK:GOTONG ROYONG MEGA PERANGAI AEDES 1.0/2024 PERINGKAT WP PUTRAJAYA

MAKLUMAT PROGRAM/ AKTIVITI/ ANUGERAH

Tempat/Lokasi: Jalan P11D, Presint 11 ,
Putrajaya

Anjuran :Jabatan Kesihatan Awam
Putrajaya (Pejabat Kesihatan Daerah)

Tarikh: 22 Jun 2024

MAKLUMAT

Latar Belakang/ Objektif

Program Gotong Royong Mega Perangi Aedes 1.0/2024 Peringkat WP Putrajaya di Jalan P11D, Presint 11, Putrajaya pada 22 Jun 2024 (Sabtu). Program dirasmikan oleh Datin Dr. Haliza binti Abdul Manaf, Timbalan Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya. JKR WP Putrajaya diwakili oleh Ir. Izmal bin Ibrahim, Ketua Bahagian Kuarters Kerajaan (BKK). Turut terlibat adalah kakitangan BKK, Satria Kasturi SB (Kontraktor FM Presint 11) dan Terminex Pest Control SB. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah pemasangan bunjut pada gutter/ sump longkang dan mengutip sampah di kawasan kejiranan P11D.



(PROGRAM GOTONG ROYONG MEGA PERANGI AEDES 1.0/2024
PERINGKAT WP PUTRAJAYA DI JALAN P11D, PRESINT 11, PUTRAJAYA

TAJUK:TAKLIMAT APLIKASI MYKUARTERS

MAKLUMAT PROGRAM/ AKTIVITI/ ANUGERAH


Tempat/Lokasi: Bilik Latihan Bahagian
Kwarters Kerajaan Aras 6 Putrajaya

Tarikh: 26 Jun 2024

MAKLUMAT

Latar Belakang/ Objektif

Taklimat Aplikasi MyKwarters Kepada Admin
dan CMMS Executive Bagi Kontrak FMM dan
Pest Control



(Taklimat Aplikasi MyKwarters Kepada Admin dan CMMS)



BAHAGIAN

PENGURUSAN PROJEK





Buletin BPP

Program : Majlis Serahan SST Bagi Projek Tawaran Semula Cadangan Penggantian Trek Sintetik, Padang Bola Sepak dan Pembaikan Astaka Serta Kerja- Kerja Berkaitan di SMK Putrajaya Presint 8 (1), Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tarikh : 3 Januari 2024 (Isnin)

Tempat : Bilik Persidangan Ziyad, JKR WP Putrajaya, Aras 8, Blok F7, Kompleks F

Tujuan : Penyerahan Surat SST, Dokumen Kontrak, dan Surat Perwakilan Kuasa Pegawai Penguasa (SO) kepada kontraktor yang telah berjaya,

Nama Kontraktor : ZR Construction

Kos Kontrak : RM 7, 573,837.00

Tempoh Kontrak : 78 Minggu

Tarikh Milik Tapak : 17 Januari 2024

Tarikh Siap Kerja : 15 Julai 2025





Buletin BPP

Program : Taklimat Life Cycle Cost (LCC) Parcel F

Tarikh : 9 Januari 2024 (Selasa)

Tempat : Bilik Persidangan Ziyad, JKR WP Putrajaya, Aras 8, Blok F7, Kompleks F

Nama Penceramah : Ir. Ys. Dr. Mohamad Adzizulrohim Bin Abd Malek

Ringkasan : Sesi Taklimat ini memberi penerangan dan pengetahuan berkenaan kepentingan kos kitaran hayat (KKH) sesuatu asset fasiliti bangunan kerajaan





Buletin BPP

Program : Majlis Penyerahan SST Bagi Cadangan Kerja – Kerja Pembaikan dan Naiktaraf Kafeterian Blok C3 (Aras Bawah), Untuk Pengurusan Hartanah (BPH), Kompleks C, PT1111, Presint 1, Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tarikh : 26 Mac 2024 (Selasa)

Tempat : JKR WP Putrajaya

Tujuan : Penyerahan Surat SST, Dokumen Kontrak, dan Surat Perwakilan Kuasa Pegawai Penguasa (SO) kepada kontraktor yang telah berjaya,

Nama Kontraktor : GS Maju Teguh Sdn Bhd

Kos Kontrak : RM 1,321,000.00

Tempoh Kontrak : 8 Bulan

Tarikh Milik Tapak : 02 April 2024

Tarikh Siap Kerja : 01 Disember 2024



Buletin BPP

- Program : Majlis Penyerahan Padang Sintetik dan Trek di Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya
- Tarikh : 02 Mei 2024 (Khamis)
- Tempat : Sekolah Sultan Alam Shah (SAS), Putrajaya
- Tujuan : Penyerahan Projek dengan membuat serahan dokumen, lukisan terbina dan perakuan muktamad pada pihak pelanggan

Nama Kontraktor : BNB Consulting Sdn Bhd

Kos Kontrak : RM 7,903,766.40

Tempoh Kontrak : 24 Bulan

Tarikh Milik Tapak : 7 September 2022

Tarikh Siap Kerja : 22 April 2024





Buletin BPP

Program : Lawatan Nursery Rumput Padang Bagi Projek Tawaran Semula Cadangan Penggantian Trek Sintetik, Padang Bola Sepak dan Pembaikan Astaka Serta Kerja- Kerja Berkaitan di SMK Putrajaya Presint 8 (1), Wilayah Persekutuan

Tarikh : Putrajaya
21 Jun 2024

Tempat : P.D Lanscape Enterprise

Ringkasan : Lawatan bagi pengesahan kelulusan bahan rumput





BAHAGIAN BANGUNAN KERAJAAN 1





Buletin BBK 1

Program : LAWATAN TEKNIKAL KE KILANG KANSAI PAINT

Tarikh : 11 MEI 2024

Pelanggan : KANSAI PAINT

Tempat : Kilang KANSAI PAINT Di Bukit Raja, Klang, Selangor Darul Ehsan


Ringkasan : Pihak JKR dijemput untuk menyertai lawatan teknikal di Kilang KANSAI PAINT di Bukit Raja, Selangor pada 11 Mei 2024 oleh pihak KANSAI PAINT



Bahagian Bangunan Kerajaan 1



Buletin BBK 1




Program : AUDIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) PREMIS JKR MALAYSIA TAHUN 2023

Tarikh : 13 MEI - 17 MEI 2024

Pegawai Terlibat: KAKITANGAN JKR PERLIS DAN JKR CREATE

Tempat : JKR PERLIS DAN JKR CREATE


Ringkasan : MENILAI PEMATUHAN TERHADAP AKTA BERKAITAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) DI PREMIS JKR



→ Bahagian Bangunan Kerajaan 1



Buletin BBK 1



Program : Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) secara 3 dalam 1, beserta penyerahan Dokumen Kontrak dan Surat Pelantikan Pegawai Penguasa Fasilitas

Tarikh : 21 Mei 2024

Pelanggan : UER Ventures SDN BHD

Tempat : Tingkat 3, Blok F7, JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya

Ringkasan : Pengurusan Fasilitas dan Penyenggaraan di Pejabat Kerajaan Kompleks Setia Perkasa (Kompleks D) Housekeeping & Pest Control bagi Tahun 2024 sehingga Tahun 2029



Bahagian Bangunan Kerajaan I



Buletin BBK 1





Program : Lawatan Ke Pusat Kawalan Setempat (Command & Contact Centre) UEM EDGENTA Di Menara UEM, Bangsar South Bersama Jabatan Kerja Rauh WP Putrajaya dan Pusat Pengajian Pertahanan Nasional (PUSPAHANAS)

Tarikh : 6 JUN 2024

Pelanggan : JKR WP Putrajaya & Pusat Pengajian Pertahanan Nasional (PUSPAHANAS)

Tempat : Command & Contact Centre UEM EDGENTA Di Menara UEM, Bangsar South

Ringkasan : Pusat Kawalan Setempat UEM EDGENTA merupakan pangkalan kawalan yang memainkan peranan penting dalam menyokong operasi di seluruh Malaysia. Ia menghubungkan Ibu Pejabat UEM EDGENTA di Kuala Lumpur kepada pasukan Pengurusan Fasiliti melalui pelbagai modul seperti Sistem Pengurusan Bangunan, Sistem Pengurusan Aset, Pengurusan Tenaga Kerja, Pengurusan Pesanan Kerja dan Pengurusan Perhubungan Pelanggan.



Bahagian Bangunan Kerajaan I



Buletin BBK 1

Program : Lawatan Ke Kilang PCO Electrical (M) Sdn Bhd

Tarikh : 31 Mei 2024

Pelanggan : JKR WP Putrajaya, KPM DAN KKM

Tempat : Kilang PCO Electrical (M) Sdn Bhd.

Ringkasan : Lawatan kilang ini telah dihadiri oleh 16 orang kakitangan BBK1. Taklimat ringkas berkenaan proses pembuatan produk, proses R&D yang dilaksanakan, serta teknologi berkaitan telah diberikan. Melalui sesi lawatan ke kilang ini juga kakitangan yang turut serta dapat menyaksikan sendiri penghasilan sesuatu produk.



Bahagian Bangunan Kerajaan 1



BAHAGIAN BANGUNAN KERAJAAN 2



BULETIN BAHAGIAN BANGUNAN KERAJAAN 2 (BBK 2)



MESYUARAT BAHAGIAN BBK2 BIL1/2024

Mesyuarat Bahagian BBK 2 telah diadakan pada 12 Januari 2024 bertempat di bilik Taklimat Jabatan yang dipengerusikan oleh Puan Ir. Arnita Sofia Binti Osman. Ahli mesyuarat terdiri daripada kakitangan BBK 2 (Tetap dan Kontrak. Mesyuarat berkenaan bertujuan untuk merancang aktiviti-aktiviti bahagian, mengemas kini kerja-kerja semasa dan pelaksanaan kerja-kerja yang telah dirancang bagi tahun 2024 serta sesi pengenalan staf baharu.

Mesyuarat yang berlangsung pada pukul 3.00 petang dan berakhir pada 5.00 petang. Objektif mesyuarat ini juga supaya maklumat terbaru tentang JKR, pekeliling dan kontrak dapat disampaikan kepada semua staf BBK2.



BULETIN BAHAGIAN BANGUNAN KERAJAAN 2 (BBK 2)



MAJLIS PERPISAHAN

Majlis Perpisahan Puan Ir. Arnita Sofia Binti Osman telah berlangsung pada 6 Mac 2024 dengan kehadiran kesemua staf tetap dan staf kontrak di BBK 2.

Majlis perpisahan ini bertujuan untuk meraikan sumbangan dan jasa Puan Arnita yang telah berkhidmat sebagai Ketua Bahagian BBK2 daripada tahun 2020 sehingga 2024.



BULETIN BAHAGIAN BANGUNAN KERAJAAN 2 (BBK 2)



MAJLIS JAMUAN HARI RAYA 2024 DAN SAMBUTAN HARI LAHIR KAKITANGAN BBK2

Majlis Jamuan Hari Raya 2024 dan Sambutan Hari Lahir Kakitangan BBK2 bagi bulan Januari sehingga Mei yang diadakan pada pagi 9 Mei 2024 bersamaan 30 Syawal 1445 Hijrah bertempat di Laman Tulip BBK 2.

Majlis dirasmikan oleh Ketua Bahagian, Puan Ir. Zilaila Binti Zakaria. Majlis bertemakan pakaian baju raya dan dihadiri oleh semua kakitangan BBK 2 termasuk tetamu jemputan daripada Bahagian lain.



BULETIN BAHAGIAN BANGUNAN KERAJAAN 2 (BBK



LAWATAN BBK2 KE PAMERAN BOSCH

Sesi lawatan kakitangan BBK2 ke ROBERT BOSCH Sdn. Bhd. Bertempat di Petaling Jaya. Sesi lawatan telah diadakan pada 11 Jun 2024 dan seramai 31 orang kakitangan BBK 2 telah turut serta pada sesi lawatan pada kali ini.

Lawatan diketuai oleh Ketua Bahagian BBK 2, Puan Ir. Zilaila Binti Zakaria. Tujuan sesi lawatan ini diadakan adalah untuk memberi pendedahkan kepada warga BBK2 tentang teknologi dan peralatan terkini yang telah dibangunkan oleh pihak BOSCH untuk diimplikasikan jika ada keperluan dan kesesuaian dalam projek penyelenggaraan di bawah kontrak BBK 2.



BULETIN BAHAGIAN BANGUNAN KERAJAAN 2 (BRK 2)



MAJLIS PENYERAHAN SST PENGURUSAN FASILITI DAN PENYENGGARAAN DI KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA LOT 2G2 DAN LOT 2G1

Pada 13 Jun 2024, pukul 2:00 petang bertempat di Bilik Taklimat Jabatan JKRWPP berlangsung satu Majlis Penyerahan SST bagi kontrak penyenggaraan (FM) dan housekeeping (HKPC) di Kementerian Kewangan Malaysia, kontraktor yang telah dilantik ialah HBS Engineering Sdn Bhd (FM – 2024 sehingga 2029), UER Ventures Sdn Bhd (HKPC – 2024-2027) dan Ventechnologist Sdn Bhd (HKPC Lot 2G1 – 2024 – 2029).

Majlis ini dirasmikan oleh En. Robert Anak Albert Girik, Pn. Ir. Zilaila Binti Zakaria, Pn. Sr Rosiyawati Binti Mostar, BKUB, BBK 2, wakil pelanggan dan wakil kontraktor.





BAHAGIAN BANGUNAN KERAJAAN 3



AKTIVITI

LAWATAN KILANG & PRODUK
TALK BUILDING SECURITY
SOLUTION (BARRIER GATE
SYSTEM)

TARIKH

11 JANUARI 2024

TEMPAT

MAGNET SECURITY &
AUTOMATION SDN BHD
PANDAN JAYA SELANGOR

RINGKASAN

PENGENALAN PRODUK
TEKNOLOGI TERKINI BAGI
SISTEM KESELAMATAN
BANGUNAN KHUSUSNYA SISTEM
PALANG AUTOMATIK, KAD
AKSES DAN SISTEM
PENGURUSAN PELAWAT SERTA
KAKITANGAN BAGI KOMPLEKS
KEMENTERIAN LUAR NEGERI



AKTIVITI

Majlis Serahan dan Perasmian bagi Kerja-kerja Penanaman Semula Pokok-pokok Baru Dalam Kawasan Hutan Kita

TARIKH


Rabu, 20 Mac 2024

TEMPAT

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA).

RINGKASAN

Kawasan Hutan Kita telah dinamakan sebagai Laman PETRA dan telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof pada 20 Mac 2024. Perasmian ini telah disaksikan oleh Pengarah JKRWPP, Ketua Bahagian BBK3 dan Semua staf yang terlibat.



AKTIVITI

LAWATAN PEMERIKSAAN MOCK-UP KERJA - KERJA PENGGANTIAN LAMPU FASAD (COLD-CATHODE KEPADA LED) BAGI KERJA R&R KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT LOT 4G11

TARIKH



JUMAAT, 22 MAC 2024

TEMPAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT LOT 4G11

RINGKASAN

MENDAPATKAN GARIS PANDUAN SPESIFIKASI PENCAHAYAAN MENGIKUT FORMAT SELIAAN PJC SERTA KELULUSAN TEKNIKAL, PEMILIHAN WARNA DAN KECERAHAN BAGI FACADE BANGGUNAN. SESI MOCK-UP DIHADIRI OLEH Ir. MOHD AFFANDI KETUA UNIT BBK3, EN MARWAN, EN KU HAMIZAN, EN AMRAN DAN KONTRAKTOR SYNERLITZ (M) SDN BHD SELAKU KONTRAKTOR FM.



AKTIVITI

Sambutan Hari Raya Aidilfitri
BBK3 Tahun 2024

TARIKH


Jumaat, 3 MEI 2024

TEMPAT

Bilik Al-Jazari 3, Aras 7
JKRWPP

RINGKASAN

Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Bahagian Melibatkan Semua Staf BBK3 JKRWPP Samada Tetap Mahupun Kontrak Dari Pelbagai Kementerian. Sambutan Ini Bertujuan Mengeratkan Hubungan Kerja Diatara Semua Staf BBK3. Ir Afandi Selaku Ketua Bahagian BBK3 Malahirkan Rasa Kagum Ke Atas Usaha Semua Dalam Menjayakan Program Ini.



BBK3

AKTIVITI

Lawatan Kilang/Bengkel Bagi Kerja-kerja Penggantian Hardscape Di Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA).

TARIKH



Selasa, 11 Jun 2024

TEMPAT

Kejuruteraan KTA, Lot 1149, Jalan KG Pulau Meranti, 47100 Puchong Selangor.

RINGKASAN

Lawatan Ke Bengkel Fabrikasi Struktur Kerangka Untuk Kerja - Kerja Hardscape Dan Pemeriksaan Kualiti Sebelum Dipasang Di Kawasan Tapak Bina Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA). Lawatan Diwakili Oleh Ketua Unit 2 BBK3 En Zukhairi Serta Kontraktor Pengurusan Laksamana (M) Sdn Bhd Selaku Kontraktor Landskap Di PETRA.



AKTIVITI

Lawatan Kilang/Bengkel Bagi Kerja-kerja Penggantian Pintu Kaca Jenis Tempered Glass Di Kementerian Belia Dan Sukan.

TARIKH

Rabu, 12 Jun 2024

TEMPAT

AKUMENANG SERVICES
Jalan Utama Persiaran, Taman
Desa Pinggiran Putra, 43000
Kajang Selangor.

RINGKASAN

Lawatan Ke Kilang/Bengkel Kaca Bagi Pemeriksaan Spesifikasi Dan Bahan Untuk Memastikan Semua Barangan Memenuhi Kehendak Sepertimana Di Dalam Dokumen Sebut Harga. Lawatan Diwakili Oleh Ketua Unit 2 BBK3 En Zukhairi, Verifier KBS, Sivil Engineer Dan Beberapa Staf JKRWPP.



AKTIVITI

Lawatan Kilang/Bengkel Bagi Kerja-kerja Penggantian Facade Light LED Type IP 66 Termasuk Aksesori Berkaitan di Lot 4G3

TARIKH


Isnin, 24 Jun 2024

TEMPAT

M.A SIGN & NEON
Lot 53709, Jalan 29
Kampung Cheras Baru,
56100 Kuala Lumpur

RINGKASAN

Lawatan Ke Kilang/Bengkel Bagi Pemeriksaan Spesifikasi Dan Bahan Untuk Memastikan Semua Barangan Memenuhi Kehendak Sepertimana Di Dalam Dokumen Kontrak. Lawatan Diwakili Oleh Ketua Unit 2 BBK3 En Zukhairi, En Mohd Bakhtir, En Fairuz Dan Beberapa Staf Tapak 4G3 JKRWPP serta Wakil Kontraktor FM USAHA DELIMA RESOURCES SDN BHD.



BBK 3





BAHAGIAN ARKITEK



23

JAN 2024

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK POJ

BULLETIN A.r



PROGRAM : Majlis penyerahan Projek POJ

TARIKH : 23 JAN 2024

PELANGGAN : POJ

TEMPAT : POJ

RUMUSAN : Penyerahan siap projek kepada pihak POJ bersama pihak Kontraktor dan warga kerja JKR yang terlibat.



MAJLIS PERPISAHAN STAF BAHAGIAN ARKITEK

08
FEB 2024



PROGRAM : Majlis perpisahan staf Bahagian Arkitek
TARIKH : 08 FEB 2024
PELANGGAN : Bahagian Arkitek JKR WPP
TEMPAT : Aras 4, Blok F7, Kompleks F, JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya
RUMUSAN : Majlis perpisahan serta Penghargaan kakitangan Bahagian Arkitek atas sumbangan dan jasa dalam perkhidmatan beliau di JKR WPP.



MAJLIS SANJUNGAN BUDI LAMBAIAN KASIH

04
MAC 2024




PROGRAM : Majlis Sajungan Budi Lambaian Kasih
TARIKH : 04 MAC 2024
PELANGGAN : JKR WPP
TEMPAT : Dewan Damar Sari 1 & 2, F8
RUMUSAN : Majlis persaraan pengarah JKR WPP ir. Asha'ari bin Hj Hasan



TAKLIMAT TENDER PROJEK KLN PONDOK PENGAWAL WP2

05
MAC 2024



PROGRAM : Taklimat Tender Projek KLN Pondok Pengawal WP2

TARIKH : 05 MAC 2024

PELANGGAN : Pihak KLN dan Kontraktor

TEMPAT : KLN

RUMUSAN : Penyerahan siap projek kepada pihak DOSM bersama pihak DOSM , Kontraktor RZE Bina SDN. BHD dan warga kerja JKR yang terlibat.



MAJLIS PRA PENYERAHAN PROJEK DOSM



PROGRAM : Majlis Pra-penyerahan Projek DOSM

TARIKH : 08 APRIL 2024

PELANGGAN : Jabatan Perangkaan Malaysia

TEMPAT : Jabatan Perangkaan Malaysia

RUMUSAN : Penyerahan siap projek kepada pihak DOSM bersama pihak kontraktor RZE Bina SDN. BHD dan warga kerja JKR yang terlibat.



LAWATAN PENGARAH KE BAHAGIAN ARKITEK

08

APRIL 2024



PROGRAM : Lawatan Pengarah ke Bahagian Arkitek
TARIKH : 08 APRIL 2024
PELANGGAN : Pengarah JKR WPP
TEMPAT : Aras 4, Blok F7, Kompleks F, JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya
RUMUSAN : Menyambut hari raya aidil fitri disamping mengeratkan hubungan antara staf - staf JKR



JAMUAN RAYA BAHAGIAN ARKITEK


09

MEI 2024

BULLETIN A.r



PROGRAM : Jamuan Raya Bahagian Arkitek
TARIKH : 09 MEI 2024
PELANGGAN : JKR WPP
TEMPAT : Aras 4, Blok F7, Kompleks F, JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya
RUMUSAN : Menyambut hari raya aidil fitri disamping mengeratkan hubungan antara staf - staf JKR



MAJLIS PERPISAHAN STAF BAHAGIAN ARKITEK

12
JUN 2024



PROGRAM : Majlis perpisahan staf Bahagian Arkitek
TARIKH : 12 JUN 2024
PELANGGAN : Bahagian Arkitek JKR WPP
TEMPAT : Aras 4, Blok F7, Kompleks F, JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya
RUMUSAN : Majlis perpisahan serta Penghargaan kakitangan Bahagian Arkitek atas sumbangan dan jasa dalam perkhidmatan beliau di JKR WPP.





BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT & STRATEGIK



AKTIVITI :

MAJLIS PERHIMPUNAN PAGI BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT DAN STRATEGIK (BPKS)

TEMPAT

Dewan Damar Sari, Blok F8, Kompleks F, Putrajaya

TARIKH

20 Januari 2024

RINGKASAN

Majlis Perhimpunan pagi adalah satu perhimpunan wajib dilakukan di JKR WP Putrajaya bagi setiap bulan. Tujuan Majlis Perhimpunan pagi ini diadakan adalah untuk menghimpunkan semua pegawai JKR WP Putrajaya untuk mendengar amanat daripada Pengarah JKR WP Putrajaya . Setiap bulan akan diwakilkan bahagian tertentu untuk menjadi urus setia mengemudi majlis ini.



AKTIVITI :

BAKTI DICURAH, JASA DIKENANG PENGARAH JKR WP PUTRAJAYA



TEMPAT

ARAS 8, PERKARANGAN PEJABAT PENGARAH
JKR WP PUTRAJAYA

TARIKH

12 APRIL 2024

RINGKASAN

Satu perjumpaan akhir telah dilakukan bersama pengarah JKRWP iaitu YBrs.Ir. Asha'ari bin Hj. Hasan untuk melakukan punchcard akhir beliau menandakan tamatnya perkhidmatan bersara wajib . Seluruh warga Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Putrajaya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas khidmat bakti YBrs. Ir. Asha'ari bin Hj. Hasan yang telah dicurahkan kepada JKR WP Putrajaya

AKTIVITI :

SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI, BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT DAN STRATEGIK 2024



TEMPAT

ARAS 8, PERKARANGAN DEWAN MAKAN BAHAGIAN
PENGURUSAN KORPORAT DAN STRATEGIK JKR WP
PUTRAJAYA

TARIKH

10 MEI 2024

RINGKASAN

Bahagian Pengurusan Korporat Dan Strategik telah mengadakan Sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri yang dilakukan pada 10 Mei 2024 bersama dengan semua pegawai BPKS. Majlis ini juga menjemput mantan pengarah JKRWP yang terdahulu dan wakil setiap bahagian yang diketuai oleh ketua bahagian. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk mewujudkan satu suasana harmoni dan memperkuat lagi ukhuwah sesama pegawai.

AKTIVITI :

PROGRAM KEMPEN DERMA DARAH SELAMATKAN NYAWA, BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT DAN STRATEGIK



TEMPAT

RUANG LEGAR ARAS2, JKR WP PUTRAJAYA

TARIKH

15 MEI 2024

RINGKASAN

Kempen Derma Darah ini merupakan kerjasama daripada Pusat Darah Negara. Purata keseluruhan penderma darah berjumlah 66 . Daripada jumlah purata keseluruhan tersebut sebanyak 36 orang berjaya menyumbangkan 36 beg darah. Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Putrajaya (JKRWPP) ingin mengucapkan sekalung penghargaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Kempen Derma Darah bagi tahun 2024.

“1 Beg Darah , Mampu Selamatkan 3 Nyawa”



AKTIVITI :

KUNJUNG HORMAT DAN RAHMAH MESRA BERSAMA PENGURUSAN AIR SELANGOR WILAYAH SEPANG



TEMPAT

ARAS 8, BILIK MESYUARAT PERSIDANGAN ZIYAD,
JKR WP PUTRAJAYA

TARIKH

06 JUN 2024

RINGKASAN

Bahagian Pengurusan Korporat Dan Strategik telah menerima kunjungan hormat daripada pihak pengurusan tertinggi kumpala air Selangor. Tujuan utama kunjungan hormat ini dijalankan adalah untuk mewujudkan hubungan baik antara dua hala antara pihak JKR WP Putrajaya bersama pihak air Selangor. Dalam pertemuan ini sesi bertukar pendapat terhadap tadbir urus antara JKR WP Putrajaya dan pihak pengurusan Air Selangor Wilayah Sepang

